- Tekan butang pada mesin basuh untuk memulakan pencucian pakaian.

Kemahiran Membaca

Praktis 1

- 1 menjual pelbagai jenis dan perisa kek lapis.
- 2 Lokasi Kedai Kek Lapis Erra adalah di No. 43, Jalan Brooke, Kampung Gersik, 93050 Kuching, Sarawak.
- 3 (a) Sedap, gebu dan lembut
(b) Pelbagai jenis dan perisa
- 4 Pada pendapat saya, cara untuk memperkenalkan perniagaan Kedai Kek Lapis Erra kepada para pelanggan adalah dengan menggunakan media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter.

Praktis 2

- 1 D
- 2 B
- 3 (a) Bersedia dari segi mental dan fizikal
(b) Berani menghadapi cabaran
- 4 Pada pendapat saya, ciri-ciri lain yang perlu ada dalam diri seseorang usahawan adalah tidak berputus asa walaupun gagal dan sentiasa berusaha untuk memajukan perniagaan.

Sistem Bahasa

Praktis 1

Kata hubung	Kata adjektif
(1) yang	(4) gigih
(2) bahawa	(5) kreatif
(3) untuk	(6) cantik
	(7) kecil
	(8) baharu
	(9) berani
	(10) kemas


Kemahiran Menulis

Praktis 1

- 1 Puan Musliha telah mengikuti kursus membuat kek coklat di Dewan Mesra, Kluang.
- 2 Kursus tersebut telah memberi peluang kepada Puan Musliha berkenalan dengan rakan baharu.
- 3 Puan Musliha mencatat keperluan serta modal yang diperlukan untuk berniaga kek coklat.
- 4 Puan Musliha menjual kek coklat di kedai runcit dan restoran setelah siap dilabel.
- 5 Kek coklat Puan Musliha mendapat sambutan yang baik daripada pelanggan.

Kemahiran membaca

Praktis 1



Kemahiran membaca

Praktis 1

- 1 X
- 2 ✓
- 3 X
- 4 ✓
- 5 X
- 6 ✓

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Sekolah Kebangsaan Tanjung Lalang telah mengadakan Hari Usahawan Muda pada 23 Mei 2020, iaitu pada hari Khamis yang lepas. Aktiviti diadakan di Dewan Gemilang, bermula pukul 8:00 pagi hingga 2:00 petang.

Tujuan Hari Usahawan Muda diadakan adalah untuk menambah dana persatuan dan kelab. Selain itu, sebahagian keuntungan yang diperolehi diperuntukkan kepada program menceriakan sekolah.

Sambutan Hari Usahawan Muda ini amat meriah kerana seramai 100 orang murid dan 30 orang guru terlibat. Para peserta bersemangat ketika mendirikan gerai masing-masing. Terdapat aneka makanan dan minuman yang dijual. Antaranya kek, nasi ayam, laksa dan air pelbagai perisa.

Ibu bapa turut hadir memeriahkan suasana. Hasil

jualan yang diperoleh ialah RM3 000. Pada pukul 2:00 petang, banyak gerai mengadakan jualan penghabisan stok sebelum menutup gerai masing-masing.

Kesimpulannya, sambutan Hari Usahawan Muda pada tahun ini mendapat sambutan yang hebat daripada pelbagai pihak.

TEMA 9 LESTARIKAN BUMI KITA

UNIT 25 AKTIVITI MESRA ALAM

Kemahiran Membaca

Praktis 1

- 1 (a) kertas
(b) suratkhobar
(c) majalah
(d) botol kaca
- 2 Jacinta mula mengitar semula barangan dan berjimat cermat dalam menggunakan air.
- 3 Pada pendapat saya, kebaikan mendengar ceramah tentang alam sekitar ialah kita dapat menambahkan pengetahuan tentang penjagaan alam sekitar yang betul.

Praktis 2

- 1 C
- 2 A
- 3 tidak boleh dikitar semula
- 4 kuantiti yang sedikit

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 Aidil dan Siva mengumpul batu-batan yang menghalang laluan pejalan kaki semasa gotong-royong itu.
- 2 Badan Aminah terasa segar-bugar selepas mandi di air terjun itu.
- 3 Pegawai yang bertugas di Kempen Bumi Hijau itu ramah-tamah melayan pertanyaan pengunjung.
- 4 Encik Lokman melarang anak-anaknya mandi-manda di kawasan pantai yang kotor itu.
- 5 Jalan menuju ke Kampung Belirut itu bengkok-bengkok dan berlumpur kerana baru lepas hujan.

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Sekolah Kebangsaan Sungai Dua telah menganjurkan Minggu Alam Sekitar yang diadakan selama seminggu. Setiap kelas diwajibkan mengadakan pameran tentang alam sekitar.

Lot-lot gerai yang mempamerkan pelbagai info menjadi tarikan utama kepada para pengunjung. Poster-poster ditampal di sekitar kawasan sekolah sebagai salah satu cara untuk mempromosikan minggu tersebut. Banyak maklumat yang boleh diperoleh oleh murid-murid melalui poster tersebut. Pada minggu itu juga diadakan pertandingan mendeklamasi sajak yang bertemakan alam sekitar. Selain itu, turut diadakan pertandingan melukis dan

mewarna yang menawarkan hadiah menarik.

Sambutan yang cukup membanggakan telah memeriahkan minggu tersebut. Semoga aktiviti seperti ini diadakan lagi pada tahun-tahun akan datang.

UNIT 26 ISU ALAM SEKITAR

Kemahiran Membaca

Praktis 1

- 1 SALAH
- 2 BETUL
- 3 SALAH
- 4 BETUL
- 5 SALAH
- 6 BETUL

Praktis 2

- 1 Rangkap pertama sajak bermaksud keindahan alam sekitar di desa sangat berbeza dengan di kota.
- 2 Penyajak menyatakan demikian kerana bencana alam dan masalah pemanasan global sedang berlaku yang berpunca daripada sikap manusia.
- 3 (a) Mengekalkan bumi hijau
(b) Melindungi lapisan ozon
(c) Mengekalkan flora dan fauna
- 4 Maksud baris-baris sajak tersebut ialah kita hendaklah memelihara keindahan alam sekitar untuk generasi yang akan datang menikmatinya.

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 sudah berjaya dikawal melalui tindakan pantas pelbagai agensi kerajaan
- 2 berpunca daripada pembuangan haram bahan toksik
- 3 dicatatkan dengan sebahagian daripada mangsa dirawat di hospital
- 4 berada di tapak pembuangan haram di Sungai Kim Kim
- 5 Kualiti udara di Sungai Kim Kim tidak lagi mengandungi bahan
- 6 peruntukan kecemasan daripada kerajaan negeri sebanyak RM6.4 juta
- 7 Sungai Kim Kim merupakan lubuk rezeki bagi orang ramai mendapatkan pelbagai hasil

Kemahiran Menulis

Praktis 1

18 Mac 2020

Kelab Alam Sekitar Sekolah Kebangsaan Seri Tualang mempunyai seramai 45 orang ahli yang berdaftar. Kelab ini telah mengadakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan dan mencantikkan kawasan sekolah. Kawasan yang terlibat ialah padang, taman sains dan kelas.

9 Mei 2020

Kempen Kitar Semula yang bertujuan untuk mengumpulkan sebanyak mungkin barang-barang terpakai telah diadakan. Barangan seperti botol-botol kaca, barang-barang plastik, surat khabar dan majalah telah dikumpulkan untuk dikitar semula. Selain dapat memelihara alam sekitar, aktiviti ini juga telah menambahkan tabungan kelab hasil jualan barang-barang terpakai tersebut kepada kedai kitar semula.

16 Julai 2020

Kelab ini telah mengadakan lawatan sambil belajar ke pusat kitar semula di Shah Alam. Tujuan lawatan ini adalah untuk mendedahkan ahli tentang cara-cara menguruskan barangan terpakai untuk dikitar semula.

22 Ogos 2020

Kelab ini telah mengadakan pertandingan reka cipta menggunakan bahan-bahan terbuang. Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil kreativiti murid-murid dalam menghasilkan sesuatu ciptaan daripada barang-barang tersebut.

UNIT 27 SELAMATKAN BUMI KITA

Kemahiran Membaca

Praktis 1

- 1 mengenakan, mencemarkan
- 2 kesedaran, dilaksanakan
- 3 membersihkan, mengandungi
- 4 mengalir, mengakibatkan
- 5 membebaskan, penipisan
- 6 digantikan, keseimbangan

Praktis 2

- 1 D
- 2 C
- 3 D
- 4 D

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 Program itu diadakan bertujuan untuk memupuk perasaan cinta akan alam sekitar dalam diri murid-murid.
- 2 Selain menambah keindahan persekitaran sekolah, pokok-pokok hijau yang banyak juga akan membebaskan gas oksigen yang diperlukan oleh manusia.
- 3 Cikgu Idham menyatakan bahawa kebersihan kolam ikan perlu dijaga agar jentik-jentik tidak membiak di situ.
- 4 Semua ahli mendengar dengan penuh perhatian dan berazam untuk mengikut saranan yang diberikan.
- 5 Program yang memberi banyak maklumat kepada murid-murid ini diharap akan diadakan lagi pada masa-masa akan datang.

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Poster adalah tentang langkah-langkah mengasingkan sisa pepejal di rumah. Sisa pepejal di rumah perlu diasingkan untuk menjaga kebersihan tempat tinggal.

Tiga langkah mudah yang disyorkan adalah dengan mengasingkan sisa pepejal mengikut jenis. Kemudian, simpan sementara sisa pepejal di dalam bekas yang sesuai. Seterusnya, bekas yang berisi sisa pepejal itu diletakkan di tepi tong sampah pada hari kutipan. Kutipan sisa baki akan dilakukan dua kali seminggu manakala kutipan sisa kitar semula akan dilakukan sekali seminggu.


Kesimpulannya, kita perlu mengasingkan sisa pepejal di rumah demi menjamin negara bersih, indah dan sejahtera.

TEMA 10 JELAJAH ALAM SAINS DAN CIPTAAN

UNIT 28 ALAM SAINS

Kemahiran Membaca

Praktis 1



Praktis 2

- 1 BETUL
- 2 SALAH
- 3 BETUL
- 4 BETUL
- 5 SALAH

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 telah
- 2 pantas
- 3 lazat
- 4 boleh
- 5 merah

Kemahiran Menulis

Praktis 1

- 1 Penggoreng kering merupakan satu kelengkapan di rumah yang kini mendapat sambutan yang baik.
- 2 Penggoreng kering berfungsi menggoreng tanpa menggunakan minyak.
- 3 Penggoreng kering mudah dikawal contohnya suhu untuk memasak boleh diletakkan mengikut jenis masakan.
- 4 Penggoreng kering memudahkan pengguna menyediakan masakan dalam waktu yang singkat.
- 5 Makanan yang disediakan menggunakan penggoreng kering ini berkhasiat dan sihat.

UNIT 29 TEKNOLOGI DALAM KEHIDUPAN

Kemahiran Membaca

Praktis 1

Mula-mula, kereta akan disembur dengan air bagi membuang debu dan kotoran tanah yang melekat pada badan kereta. Kemudian, kereta akan dicuci menggunakan air sabun sehingga mengeluarkan buih-buih. Kereta akan bergerak perlahan-lahan secara automatik ke arah hadapan. Seterusnya, berus di kiri dan di kanan kereta akan memberus untuk membersihkan kotoran pada badan kereta secara automatik. Selepas itu, kereta akan bergerak ke arah hadapan melepasi penghadang. Beberapa orang pekerja yang berada di hadapan memegang tuala kecil dan bersedia mengelap kereta sehingga kering. Akhir sekali, bayaran untuk cucian kereta itu boleh dibuat di kaunter pembayaran.

Praktis 2

- 1 A
- 2 D
- 3 A
- 4 D

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 dilahirkan
- 2 dipamerkan
- 3 menanyakan
- 4 digunakan
- 5 permainan
- 6 dilindungi
- 7 kemudahan
- 8 menggantikan

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Telefon pintar merupakan satu keperluan dalam kehidupan seharian. Telefon pintar kecil dan mudah dibawa ke mana-mana sahaja.

Antara kebaikan telefon pintar termasuklah dapat menelefon rakan yang tinggal jauh tanpa mengira masa. Kita juga boleh menjawab panggilan telefon walaupun berada di luar rumah. Selain itu, telefon pintar boleh digunakan untuk melayari Internet untuk mendapatkan

maklumat dengan mudah dan cepat. Di samping itu, kita juga boleh merakam dan menyimpan gambar dan video menggunakan telefon pintar.

Jelas kepada kita bahawa telefon pintar banyak kegunaan kepada pengguna. Namun pengguna perlu menggunakannya secara berhemah.

UNIT 30 KREATIVITI DALAM CIPTAAN

Kemahiran Membaca

Praktis 1

- 1 Pengalaman membersihkan rumah lebih menarik dan mudah
- 2 Dilengkapi dengan teknologi CycloneForce dan anti-Tangle Turbine
- 3 Didatangkan bersama Easy Dustbin yang berfungsi menyimpan sampah dan habuk
- 4 Dilengkapi dengan penapis berbentuk span

Praktis 2

- 1 Pertandingan Reka Cipta Sains dianjurkan oleh Kelab Sains Sekolah Kebangsaan Tanjung.
- 2 Pertandingan Reka Cipta Sains diadakan bertujuan untuk melahirkan lebih ramai ahli sains muda dalam kalangan murid.
- 3 Nurin Jazlin menerima RM200 dan sijil.
- 4 *(Jawapan murid)*

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 telah berjaya mengharumkan nama negara dalam Pertandingan Kreativiti Reka Cipta Dunia
- 2 mencipta kejayaan itu menerusi alat pemberi makan kucing menggunakan tenaga solar
- 3 menyelesaikan masalah pencinta kucing semasa mereka tiada di rumah
- 4 pada litar kawalan elektrik, alat pengimbas dan panel suria sebagai bekalan tenaga
- 5 memikirkan kaedah terbaik bagi memastikan lapan ekor kucing peliharaan tidak terabai
- 6 mendekati alat pengimbas lalu mengeluarkan makanan secara automatik

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Produk pelembut daging tiga dalam satu berasaskan empulur nanas dipilih menjadi produk inovasi terbaik yang dihasilkan oleh pelajar Universiti Putra Malaysia.

Kelebihan empulur nanas sebagai pemangkin untuk melembutkan daging menarik minat juri. Empulur nanas juga dapat mengekalkan tekstur kenyal daging hanya dalam tempoh 15 minit.

Ketua kumpulan, Muhammad Zakwan Mohamad Zakaria berkata, "Empulur nanas diolah bagi melembutkan, menghilangkan bau dan memberi rasa unik pada daging mentah."

"Kami juga mendapat bantuan daripada agensi Nuklear

Malaysia menerusi penggunaan teknologi tertentu bagi memastikan produk ini benar-benar berkesan. Hasilnya, waktu perapan daging menjadi lebih singkat dan dapat memudahkan tugas memasak,” katanya ketika ditemui.

KERTAS MODEL UPSR SET 1

Pemahaman

Bahagian A

1 C	2 D	3 A	4 D	5 B
6 B	7 C	8 C	9 D	10 C
11 A	12 D	13 C	14 A	15 A
16 D	17 A	18 C	19 A	20 A

Bahagian B

Soalan 21

- 1 memakai
- 2 melindungi
- 3 perlanggaran
- 4 keselamatan
- 5 persimpangan

Soalan 22

- (a) (i) ✓
(ii) ✓
(iii) X
(iv) X
(v) ✓
- (b) mencurah air ke daun keladi

Soalan 23

- (a) Apakah barangan yang dipamerkan di Pameran Kraf Tangan ini?
- (b) Pada pendapat saya, tujuan Hari Usahawan Muda itu diadakan adalah untuk menerapkan minat keusahawanan dan mengajar murid-murid menjalankan perniagaan.

Soalan 24

- (a) Keistimewaan pinggan ubi kayu berbanding pinggan pakai buang yang lain ialah pinggan ini boleh dimakan.
- (b) Jangka hayat pinggan ubi kayu ialah selama dua tahun
- (c) Penggunaan pinggan ubi kayu bersesuaian dengan polisi sesetengah negara kerana kebanyakan negara barat mengharamkan penggunaan bekas makanan daripada polisterina.
- (d) Pada pendapat saya, kebaikan inovasi baharu ini membantu kita memelihara dan memulihara alam sekitar dengan menggunakan bahan-bahan semula jadi.

Soalan 25

- (a) Tempoh masa lawatan ke Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan dijalankan ialah selama enam jam.
- (b) Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memupuk nilai prihatin dan sayang-menyayangi dalam kalangan murid terhadap warga emas.
- (c) Rumah kebajikan lain yang boleh dilawati ialah rumah

anak-anak yatim dan rumah kebajikan kanak-kanak kelainan upaya.

Penulisan

Bahagian A

- 1 Pemandu kenderaan hendaklah memakai tali pinggang keledar semasa memandu untuk mengelakkan kecederaan teruk jika berlaku kemalangan.
- 2 Kanak-kanak hendaklah dipimpin oleh orang dewasa semasa melintas jalan raya.
- 3 Gunakan jejantas yang disediakan semasa melintas jalan raya yang sesak.
- 4 Kita hendaklah berhati-hati semasa menaiki eskalator untuk mengelakkan kemalangan seperti kaki tersepit.
- 5 Penunggang dan pembonceng motosikal hendaklah memakai topi keledar yang diikat dengan ketat.

Bahagian B

Peta buih menunjukkan cara-cara memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat.

Antaranya ialah kita perlu mempunyai sikap hormat-menghormati sesama jiran walaupun berbeza budaya, agama dan bangsa. Selain itu, kita haruslah bersepat dalam menjalankan pelbagai aktiviti kejiranan. Seterusnya kita mestilah berbudi bahasa semasa bergaul dengan jiran terutama dengan orang yang lebih dewasa. Di samping itu, kita hendaklah kunjung-mengunjungi jiran sewaktu mereka sakit atau semasa musim perayaan. Akhir sekali, kita sewajarnya bergotong-royong untuk membersihkan kawasan persekitaran kejiranan supaya terhindar daripada penyakit.

Kesimpulannya, jiran yang sepatat melahirkan masyarakat yang harmoni, aman dan sentosa.

Bahagian C

Soalan 1

Ayah membawa kami sekeluarga bercuti di Pulau Langkawi. Kami berasa begitu teruja dapat bercuti di destinasi percutian yang terkenal.

Seawal pagi lagi, kami bertolak ke Jeti Kuala Perlis. Kami terus menaiki feri untuk ke Pulau Langkawi. Setelah mendaftar masuk ke hotel, ayah terus membawa kami ke Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA). Saya dan abang kagum melihat kapal terbang, jet dan pesawat yang dipamerkan. Kami sempat merakam gambar sebagai kenang-kenangan.

Selepas itu, ayah membawa kami menaiki kereta kabel di Gunung Mat Chincang. Pada mulanya, saya berasa gasyat untuk menaiki kereta kabel itu. Namun, apabila sudah menaikinya, saya berasa seronok.

Setelah itu, kami makan malam di Pantai Chenang. Makanan laut di situ segar dan enak. Suasana di situ sungguh meriah dengan gerai-gerai jualan cenderamata yang ada di sepanjang jalan.

Pada hari ketiga, kami mandi-manda dan berkelah

di Air Terjun Temurun. Kemudian, ayah membawa kami membeli-belah di Kompleks Idaman Suri. Itulah orang yang paling seronok sekali membeli-belah di situ.

Keesokan harinya, kami berkemas untuk pulang ke Kuala Lumpur. Kami mengucapkan terima kasih kepada ayah kerana membawa kami bercuti di Pulau Langkawi.

Soalan 2

Laporan Perkhemahan Unit Beruniform Sekolah Kebangsaan Permai Jaya

Pada 22 hingga 23 Jun 2020, Sekolah Kebangsaan Permai Jaya telah mengadakan perkhemahan unit beruniform di Hutan Lipur Sungai Tua. Pasukan beruniform yang terlibat ialah Pengakap dan Tunas Puteri.

Seramai 60 orang peserta yang mewakili unit-unit tersebut mengambil bahagian. Mereka diiringi oleh enam orang guru penasihat. Semua peserta menaiki bas yang disewa khas untuk ke Hutan Lipur Sungai Tua.

Apabila sampai di tapak perkhemahan, semua peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Kemudian, para peserta mendirikan khemah di tapak yang telah disediakan. Ada kumpulan yang diminta mencari kayu api, memasak dan membersihkan tapak perkhemahan.

Pada hari kedua, para peserta menjalani aktiviti senamrobik yang dikendalikan oleh Cikgu Ainnur. Selepas senamrobik, para peserta bersarapan. Selepas bersarapan, para peserta mengikuti pertandingan memasak dan kawad kaki yang diadakan di kawasan hutan tersebut. Majlis penutupan dan penyampaian telah diadakan pada pukul 5:00 petang.

Aktiviti perkhemahan ini berjaya mencapai matlamatnya. Para peserta kelihatan gembira mengikuti perkhemahan pada kali ini.

Laporan disediakan oleh,

4 JULAI 2020

Mohd Farid

(MOHD FARID BIN ANUAR)

Setiausaha Unit Beruniform,

Sekolah Kebangsaan Permai Jaya.

KERTAS MODEL UPSR SET 2

Pemahaman

Bahagian A

1 B	2 C	3 C	4 C	5 A
6 C	7 D	8 B	9 C	10 A
11 B	12 B	13 A	14 A	15 D
16 C	17 C	18 D	19 C	20 B

Bahagian B

Soalan 21

- (a) (i) berbaris
- (iii) merupakan
- (iv) pembakar
- (b) (i) di
- (ii) kepada
- (iii) daripada

Soalan 22

- (b) (i) gugus
- (ii) longgok
- (iii) rumpun
- (b) (i) kerana
- (ii) lalu
- (iii) sambil
- (iv) tetapi

Soalan 23

- (a) Adakah asap dari kilang dan kenderaan menyebabkan kualiti udara semakin tercemar?
- (b) (i) salah
- (ii) betul
- (iii) salah

Soalan 24

- (a) (i) televisyen
- (ii) radio
- (b) Media elektronik menyampaikan maklumat dan berita dengan lebih menarik dan mengeluarkan bunyi dan suara yang pelbagai.
- (c) X, ✓, ✓
- (d) Pada pendapat saya, media elektronik penting kepada murid-murid kerana media ini menyalurkan maklumat yang berguna untuk diaplikasikan dalam pelajaran.

Soalan 25

- (a) Pusat Belia Temerloh
- (b) 12 tahun
- (c) Aktiviti yang mungkin dijalani oleh peserta Kem Kecemerlangan Sukan ialah bengkel sukan bola sepak.

Penulisan

Bahagian A

- 1 Raj dan Seng Huat sedang bermain badminton di hujung padang.
- 2 Kakak dan kawannya, Juhainis berjoging di taman rekreasi itu untuk menyihatkan badan.
- 3 Kamarul bersenam sambil menghirup udara segar di taman rekreasi itu.
- 4 Liana dan Humairah bermain jongkang-jongket yang disediakan di taman rekreasi itu.
- 5 Encik Izhar dan Puan Hamimah duduk di atas bangku sambil melihat anak mereka bermain jongkang-jongket.

Bahagian B

Kempen Hapuskan Denggi merupakan kempen yang dijalankan oleh kerajaan untuk menyedarkan orang ramai tentang bahayanya nyamuk Aedes. Pelbagai langkah pencegahan perlu dilakukan untuk menghapuskan kitaran nyamuk Aedes.

Langkah pertama adalah dengan memeriksa persekitaran rumah. Hal ini bertujuan untuk memastikan kawasan persekitaran rumah bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes contohnya di dalam takungan air. Persekitaran rumah juga perlu bersih, bak kata pepatah mencegah lebih baik daripada merawat. Selain itu, pencegahan boleh dilakukan melalui kempen kesedaran yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. Antaranya, Kempen Tiada Aedes, Tiada Denggi yang berjaya menarik minat masyarakat untuk memastikan persekitaran rumah bebas daripada nyamuk Aedes.

Oleh itu, semua individu perlulah bekerjasama untuk mencegah pembiakan nyamuk Aedes.

Bahagian C

Soalan 1

Menghadiri kelas tambahan memberikan banyak kebaikan kepada kita. Ia mampu memberi kesan yang besar dalam membantu kita menguasai semua mata pelajaran yang diajar. Ia juga menggambarkan kesungguhan murid-murid untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Antara kebaikan menghadiri kelas tambahan adalah dapat menguatkan lagi kefahaman terhadap apa-apa yang telah diajar oleh guru. Kelas tambahan ini juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan mempelajari ilmu yang mungkin kita tidak diperolehi dalam kelas.

Selain itu, murid juga boleh memperbaiki kelemahan dalam satu-satu topik atau mata pelajaran. Murid dapat merujuk terus kepada guru jika kurang faham tentang sesuatu topik. Ia juga merupakan persediaan murid untuk menghadapi ujian dan peperiksaan akan datang.

Seterusnya, menghadiri kelas tambahan juga merupakan aktiviti mengisi masa lapang yang berfaedah. Selain menambahkan ilmu pengetahuan, kelas tambahan juga dapat mengelakkan diri kita daripada terjerumus dalam gejala yang tidak sihat seperti melepak, merokok dan gangsterisme. Kelas tambahan dapat mengeratkan hubungan sesama rakan. Kita dapat belajar bersama, bertukar pendapat, berinteraksi dan berkolaborasi semasa belajar.

Kesimpulannya, menghadiri kelas tambahan memberi banyak kebaikan kepada kita. Ia dapat memberi impak yang besar kepada murid untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Soalan 2

Sabtu, 16 Mac 2020

8:00 pagi

Murid-murid berkumpul di padang sekolah mengikut rumah sukan masing-masing. Guru rumah sukan mengagihkan nombor-nombor peserta kepada para peserta. Suasana sungguh meriah kerana ramai ibu bapa turut hadir untuk menyaksikan kejohanan merentas desa.

9:00 pagi

Acara dimulakan dengan murid-murid melakukan aktiviti memanaskan badan. Aktiviti ini diketuai oleh Cikgu Nur Ihsan yang merupakan guru Pendidikan Jasmani di sekolah. Tujuan aktiviti memanaskan badan ini diadakan supaya murid-murid tidak mengalami kecederaan ketika merentas desa.

9:30 pagi

Guru Besar Sekolah Kebangsaan Keping, Puan Nurimah Anuar menyampaikan ucapan perasmian. Beliau mengharapkan agar para peserta dapat mematuhi arahan dan peraturan pertandingan. Beliau juga mengingatkan para peserta agar menjaga keselamatan diri masing-masing. Para peserta begitu bersemangat dan kelihatan tidak sabar untuk memulakan larian.

10:00 pagi

Para peserta dilepaskan secara berperingkat-peringkat, iaitu dimulai oleh murid-murid tahun empat, lima dan seterusnya enam. Murid-murid berlari mengikut laluan yang telah ditetapkan. Guru-guru bertugas untuk mengawasi murid-murid. Tiga orang anggota polis turut membantu.

11:30 pagi

Guru Besar menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Rumah Hijau telah memenangi tempat pertama, manakala Rumah Merah pula tempat yang kedua. Hilman Kamal telah dipilih sebagai juara bagi kategori lelaki manakala Shanti Jaya dinobatkan sebagai juara bagi kategori perempuan. Masing-masing menerima sebuah piala.

12:30 tengah hari

Sebelum majlis bersurai, semua guru dan tetamu dijemput menikmati jamuan makan di kantin.

KERTAS MODEL UPSR SET 3

Pemahaman

Bahagian A

1 D	2 D	3 B	4 D	5 A
6 C	7 A	8 D	9 D	10 B
11 A	12 C	13 B	14 D	15 D
16 A	17 A	18 C	19 A	20 B

Bahagian B

Soalan 21

- (a) (i) salah
(ii) betul
(iii) betul
- (b) (i) mencecah
(ii) pudar
(iii) bantuan
(iv) sanggup

Soalan 22


- (a) (i) ✗
(ii) ✓
(iii) ✓
(iv) ✓
- (b) (i) menghadihkan
(ii) menggalakkan
(iii) menggantungkan

Soalan 23

- (a) (i) hidung tinggi
(ii) rendah diri
(iii) hulur tangan
- (b) Saya mula menceburi bidang perniagaan sejak lima tahun yang lepas.

Soalan 24

- 1 Persamaan antara Encik Tarmizi Hassan dan Encik Hairul Nazri ialah mereka merupakan ahli perniagaan di lokasi yang sama.
- 2



3 (Jawapan murid)

Soalan 25

- 1 Mereka akan mengalami masalah kesihatan.
- 2 Murid-murid akan mengantuk di dalam kelas dan tidak menumpukan perhatian semasa guru mengajar.
- 3 (a) ✓ (b) ✗

Penulisan

Bahagian A

- 1 Pelbagai cara boleh dilakukan untuk menjaga kebersihan dan kesihatan diri
- 2 Kita perlu mandi dengan menggunakan sabun pada setiap hari untuk membersihkan diri.
- 3 Kita hendaklah makan makanan yang seimbang dan berkhasiat agar tubuh badan sentiasa cergas dan sihat.
- 4 Kita perlu mengamalkan gaya hidup yang sihat dengan bersenam dan beriadah.
- 5 Kita perlu tidur awal setiap malam supaya badan kita segar keesokan harinya.

Bahagian B

Kempen Kitar Semula memberikan banyak kebaikan kepada manusia. Barang-barang terpakai seperti botol plastik, kaca, kertas dan tin minuman boleh dikitar semula.

Melalui kempen ini, kita dapat mengurangkan pembuangan dan timbunan sampah. Barang-barang yang ingin dibuang tidak semuanya tidak berguna. Ada yang boleh diasingkan untuk dikitar semula menjadi barangan lain. Selain itu, kempen ini dapat membantu kita dalam memelihara dan menjaga alam sekitar. Di samping itu, kempen ini juga dapat memupuk sikap berjimat cermat kerana barang buangan itu sebahagiannya masih boleh digunakan untuk dijadikan barang keperluan harian dan barang kraf tangan.

Akhir sekali, melalui kempen ini juga pencemaran alam akan dapat dikurangkan dan persekitaran menjadi bersih.

Bahagian C

Soalan 1

Aku sebuah penyaman udara. Aku berjenama Sharp. Komponen di dalam badan aku dibuat di sebuah kilang elektronik di Shah Alam, Selangor. Kemudian, aku dipasang menjadi sebuah penyaman udara yang sempurna.

Aku dihantar ke kedai-kedai yang menjual alatan elektronik. Aku dibungkus dan dimasukkan ke dalam kotak. Aku menunggu pembeli yang akan membeli aku. Seorang lelaki membeli aku untuk dipasang di dalam bilik tidurnya.

Sejak hari itu, aku bertugas untuk menyejukkan suhu di dalam bilik tersebut. Setiap malam, tuan akan memasang aku sehingga awal pagi. Adakalanya tuan akan memasang aku pada waktu siang jika cuaca di luar sangat panas.

Tuan gembira dengan kehadiran aku di rumahnya. Aku terus berkhidmat sehingga bertahun-tahun lamanya. Selain menyejukkan suhu di dalam bilik, aku juga berfungsi untuk menapis udara daripada habuk dan kotoran.

Untuk itu, tuan akan sering mencuci aku bagi memastikan aku tidak tersumbat. Begitulah hikayat hidup aku. Selagi aku tidak rosak, selagi itu aku akan terus berkhidmat.

Soalan 2

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Encik Kamarul Ariffin, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Titi Teras, guru-guru dan rakan-rakan yang dihormati. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk menyampaikan ucapan dalam majlis perpisahan ini.

Hadirin yang dikasihi,

Hari ini hari terakhir murid-murid tahun enam berada di sekolah ini. Kami akan meninggalkan sekolah ini untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Oleh itu, saya mewakili rakan-rakan yang lain mengucapkan selamat tinggal kepada guru-guru dan rakan-rakan di sekolah ini.

Begitu banyak kenangan manis semasa kami menuntut di sekolah ini. Di sekolah ini, kami mengenali guru-guru dan rakan-rakan. Kami belajar dan bermain dengan rakan-rakan dalam suasana yang ceria. Semua ini akan menjadi suatu kenangan yang sukar dilupakan.

Guru-guru,

Keputusan UPSR telah pun diumumkan dan murid-murid tahun enam pada tahun ini telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Kami berjaya memecah rekod sekolah apabila 55 orang murid tahun enam mendapat keputusan yang cemerlang, iaitu 6A. Ini merupakan salah satu hadiah kami buat menghargai jasa guru-guru yang bersusah payah mendidik kami.

Sekian sahaja ucapan saya pada kali ini. Saya berharap guru-guru berasa gembira sepanjang mengajar kami di sini.

Sekian, terima kasih.